

TAJUK INOVASI: KADAR BANTUAN KEWANGAN YANG BARU UNTUK YURAN KURSUS

1.0 PENGENALAN

- Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah mengkaji semula kadar bantuan kewangan PSMB pada tahun ini dengan tujuan menuju ke arah agenda nasional yang menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

2.0 LAPORAN INOVASI

- **Tujuan Projek Inovasi**
Pelaksanaan kadar baru untuk bantuan kewangan adalah untuk menfokuskan kepada kursus-kursus yang berelemen latihan semula dan meningkat kemahiran yang sedia ada serta kursus teknikal atau bermodul.
- **Proses Pelaksanaan Inovasi**
Bengkel Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) telah diadakan di seluruh Malaysia untuk memaklumkan tentang pelaksanaan kadar bantuan kewangan yang baru. Selain itu, PSMB telah memaparkan Pekeliling Majikan No.9 di dalam laman sesawang PSMB untuk memberi perhatian kepada majikan yang berdaftar dengan PSMB.
- Proses **sebelum** dan **selepas**

Proses Sebelum	Proses Selepas
<ul style="list-style-type: none">- Kadar bantuan kewangan yang lama menumpu kepada semua kursus umum dan teknikal- Semua jenis kursus akan diberi bantuan kewangan 100%	<ul style="list-style-type: none">- Kadar bantuan kewangan yang baru menumpu kepada kursus teknikal dan kursus yang berada dalam kategori <i>upskilling</i>, <i>reskilling</i>, <i>cross skilling</i> dan <i>functional</i> yang ditentukan oleh PSMB.- Memberikan lebih banyak pilihan kepada majikan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka.- Kursus yang berjenis teknikal akan menerima bantuan kewangan 110% dan kursus yang umum akan menerima bantuan kewangan 90%.

- **Impak Inovasi**

- ✚ **Elemen Inovatif / Kreativiti**

- Pelaksanaan kadar baru untuk bantuan kewangan akan merangsangkan kadar penggunaan levi di kalangan majikan dan melatih lebih banyak pekerja berkemahiran.

- ✚ **Elemen Keberkesanan**

- Pelaksanaan ini juga secara tidak langsung meningkatkan produktiviti Malaysia kerana menghasilkan tenaga pekerja yang mempunyai daya saing yang tinggi dan kompeten.

- ✚ **Elemen Signifikan**

- Program ini adalah mesra pelanggan kerana tuntutan kadar baru untuk bantuan kewangan yang dilakukan oleh majikan akan dibayar melalui *e-disbursement* iaitu terus didebitkan kepada bank akaun majikan.

- ✚ **Elemen Relevan**

- Impak pelaksanaan ini adalah selaras dengan visi PSMB yang sebagai daya penggerak latihan dan pembangunan tenaga kerja kerana majikan menggunakan levi mereka untuk menghasilkan pekerja yang berkemahiran tinggi.

PENUTUP

Pelaksanaan ini telah dilakukan pada 1 Januari 2013.